



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI  
SARAWAK**

**IKLAN PENGAMBILAN PENGAJAR INTERIM DI JABATAN  
PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA TAHUN 2017**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk menjadi Pengajar Interim bagi mengisi kekosongan bidang Pendidikan Islam di Negeri Sarawak.

**1. KETERANGAN PROGRAM**

- 1.1 Tajuk : Pengambilan Pengajar Interim di Negeri Sarawak, ambilan tahun 2017;
- 1.2 Nama Jawatan : Pengajar Interim;
- 1.3 Bidang : Pendidikan Islam; dan
- 1.3 Tempoh Interim : Tiga (3) tahunsahaja.

**2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN ASAS**

Calon-calon hendaklah:

- 2.1 Warganegara Malaysia;
- 2.2 Sihat tubuh badan;
- 2.3 Umur tidak melebihi 30 tahun pada 1 Januari 2017;
- 2.4 Memiliki kelulusan akademik sekurang-kurangnya Lulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan Pengajian Islam daripada Universiti Awam (UA), Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) tempatan atau universiti luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia

- 2.5 Pemohon yang memiliki ijazah daripada IPTS tempatan dan institusi luar negara perlu memperoleh surat pengiktirafan ijazah daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan merujuk kepada laman web KPT di alamat <http://app.mohe.gov.my/iktiraf/>; dan
- 2.6 Memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan.

### **3. MAKLUMAT JAWATAN**

- 3.1 Jawatan/ Gred : Pengajar Interim/DG41.
- 3.2 Bayaran Elaun Bulanan : RM 2,149.03 bagi ijazah Kepujian; atau RM 1,944.62 bagi ijazah Am.
- 3.3 Elaun Tetap dan Kemudahan yang dinyatakan di bawah ini mengikut syarat dan kadar yang sedang berkuat kuasa seperti berikut bagi yang layak:
- (i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2006;
  - (ii) Bantuan Sara Hidup berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012;
  - (iii) Bayaran Insentif Pedalaman berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2000 atau Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 1 Tahun 2016 (sekiranya berkhidmat di sekolah pedalaman);
  - (iv) Elaun Balik Kampung berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 6 Tahun 2014 (sekiranya berkhidmat di sekolah pedalaman);

- (v) Elaun dan kemudahan bagi pegawai yang bertugas rasmi di luar kawasan ibu pejabat berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 1.4/2013;
- (vi) Elaun Perumahan Wilayah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 (pindaan kadar); dan
- (vii) Bayaran Insentif Wilayah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 (pindaan kadar).

#### 3.4 Kemudahan lain:

- (i) Cuti Sakit di bawah Perintah Am 17 Bab C;
- (ii) Cuti Penggal Sekolah Bergaji Penuh; dan
- (iii) Rawatan perubatan dan pergigian, kelayakan dan wad di Hospital dan Klinik-klinik Kerajaan untuk diri sendiri sahaja tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

#### 3.5 Elaun & Kemudahan yang tidak layak diperolehi:

- (i) Imbuhan Tetap Perumahan;
- (ii) Rawatan perubatan di luar negeri;
- (iii) Pinjaman perumahan/ kenderaan/ komputer;
- (iv) Cuti separuh gaji;
- (v) Cuti tanpa gaji;
- (vi) Cuti bersalin;

- (vii) Cuti belajar;
- (viii) Cuti kecederaan;
- (ix) Cuti kerantina;
- (x) Cuti Tibi, Kusta dan Barah;
- (xi) Cuti tanpa rekod; dan
- (xii) Cuti haji.

#### **4. CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON**

- 4.1 Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.
- 4.2 Calon yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan Agensi Kerajaan termasuk yang sedang mengikuti DPLI Mod Latihan Perguruan Kursus Dalam Cuti (KDC) atau Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) kelolaan KPM.
- 4.3 Calon yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan Agensi Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak dan tidak mendapat pelepasan daripada pihak tersebut.
- 4.4 Calon yang diisytiharkan bankrap atau pernah disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah atau jenayah.
- 4.5 Calon yang pernah mengikuti program ikhtisas di IPGM, KPM tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan daripada program.
- 4.6 Calon yang pernah meletak jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan bagi skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) DG41.

## 5. CARA MENGENALKAN PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan hanya boleh dibuat secara atas talian dengan melayari laman web Kementerian Sumber Manusia Malaysia di alamat: <http://www.jobsmalaysia.gov.my/> mulai **16 Mac 2017**.
- 5.2 Borang tersebut boleh dikemaskini pada bila-bila masa sahaja dan hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup permohonan.
- 5.3 Calon yang didapati memberi maklumat salah/ tidak benar/ manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari temu duga, lapor diri bertugas dan selama tempoh interim.

## 6. MAKLUMAT DAN PERHATIAN

- 6.1 Pemohon yang diterima perlu menduduki Ujian Psikometrik sebelum ditemu duga bagi jawatan Pengajar Interim.
- 6.2 Pemohon yang lulus temu duga dan ditawarkan jawatan Pengajar Interim hendaklah bersetuju dan patuh dengan syarat-syarat perjanjian interim serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa untuk berkhidmat di mana-mana sekolah samada di kawasan bandar atau pedalaman.
- 6.3 Pengajar Interim tersebut dikehendaki berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun di sekolah yang ditetapkan dan tidak akan dipertimbangkan sebarang permohonan pertukaran sepanjang tempoh interim.
- 6.4 Pengajar Interim yang berminat untuk dilantik tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 perlu mengikuti Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi mendapatkan ikhtisas pendidikan dengan pembiayaan sendiri dalam tempoh interim.

- 6.5 Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dimaklumkan secara emel dan calon dikehendaki membawa salinan cetakan emel semasa temu duga.
- 6.6 Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumat selepas **30 April 2017** adalah dianggap tidak berjaya. KPM tidak akan mengeluarkan makluman secara bersurat kepada pemohon.

## **7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

**10 APRIL 2017 (ISNIN), SEBELUM JAM : 11.59 MALAM**

## **8. ALAMAT JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK**

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan permohonan:

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK  
JALAN DIPLOMATIK OFF JALAN BAKO  
PETRA JAYA  
93050 KUCHING, SARAWAK  
(u.p: Sektor Pengurusan Sekolah)  
No. Telefon: 082-473473**